KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

EAIC SYOR PENAMBAHBAIKAN TATACARA OPERASI AADK SUSULAN SIASATAN ADUAN DI BERA

UNTUK SIARAN SEGERA
27 OKTOBER 2026

EAIC telah melengkapkan siasatan di bawah subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] berhubung aduan mengenai dakwaan tindakan kekerasan dan salah laku oleh pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Bera semasa Operasi Pengesanan Orang Yang Disyaki (OYDS) pada 13 Oktober 2025 di Bera, Pahang.

HASIL SIASATAN

Hasil siasatan EAIC mendapati—

(a) berlaku kecuaian dalam pengendalian taktikal serbuan dan ketidakpatuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa serbuan oleh Pasukan Operasi AADK Bera sehingga mencetuskan keadaan panik dan pergelutan yang mengakibatkan kecederaan kepada orang awam atau pihak ketiga di lokasi serbuan;

(b) berlaku ketidakpatuhan terhadap Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP) BAB 02/2025 (Pindaan 2026) melibatkan kegagalan membuat catatan insiden pergelutan atau kecederaan dalam Buku Catatan (*Pocket Book*) serta kegagalan pengawasan dan pelaksanaan rakaman gambar sepanjang operasi dijalankan; dan

(c) dakwaan berkenaan wujudnya unsur ugutan oleh pegawai AADK Bera berhubung larangan mendedahkan kejadian kepada pihak luar adalah tidak dapat disahkan.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan seperti berikut:

(a) merujuk hasil siasatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) AADK dengan syor hukuman tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [*P.U.(A)* 246] terhadap pegawai-pegawai yang terlibat atas kesalahan cuai dalam melaksanakan tugas dan ingkar perintah;

(b) mengesyorkan supaya AADK mewujudkan Garis Panduan Berkenaan Pertimbangan Tahap Risiko (*Risk Assessment*) Semasa Operasi dan mengemas kini PTKP BAB 02/2025 (Pindaan 2026) berkaitan tatacara pengenalan diri, pencahayaan di lokasi serbuan serta merekodkan sebarang kecederaan dalam Buku Catatan (*Pocket Book*);

(c) mengesyorkan supaya AADK memastikan pembekalan dan penyelenggaraan Buku Catatan (*Pocket Book*) diwajibkan kepada semua pegawai dan anggota penguat kuasa yang ditugaskan di lapangan tanpa pengecualian; dan

(d) mengesyorkan supaya Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberi keutamaan kepada Dasar Pembekalan Serta Perolehan Kamera Badan (*Body Camera*) khusus untuk pegawai dan anggota penguat kuasa AADK yang menjalankan operasi di lapangan.

EAIC kekal komited dalam memastikan tahap integriti dan profesionalisme agensi penguatkuasaan seliaan sentiasa diperkasakan demi kepentingan awam.

#TAMAT#

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5722 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731